

11/10/2003

Konvoi mula kumpul tanda tangan

KANGAR: Konvoi Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) yang bermula perjalanan kelmarin berazam mengumpul tanda tangan sebanyak mungkin sebagai tanda sokongan rakyat negara ini terhadap keamanan sejagat.

Ketua konvoi, Datuk Abdul Raof Yusof berkata, pihaknya akan mengutip sebanyak mungkin tanda tangan di semua destinasi yang disinggahi walaupun masa yang diperuntukkan singkat.

"Apabila konvoi singgah di destinasi yang ditetapkan, kami akan menyeru orang ramai menurunkan tanda tangan sebagai sokongan usaha Malaysia mencari kedamaian di seluruh dunia, terutama di Palestin dan Iraq," katanya ketika konvoi itu singgah di sini, malam kelmarin.

Pada majlis ringkas menyambut kedatangan konvoi yang dianjurkan kerajaan negeri, Abdul Raof turut menyerahkan memorandum keamanan Aman Malaysia kepada Exco kerajaan negeri, Mohd Hadzi Nordin yang mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Konvoi itu disertai 100 peserta yang menaiki 57 motosikal berkuasa tinggi, manakala selebihnya menaiki kereta dan diiringi 12 anggota polis trafik.

Antara destinasi ialah Kangar, Alor Star, Pulau Pinang, Perak dan berakhir di Dataran Merdeka, Ahad ini.

Abdul Raof yang juga Exco Pemuda Umno berkata, pihaknya akan menyerahkan memorandum keamanan Aman Malaysia kepada kerajaan negeri tempat konvoi singgah.

Kandungan memorandum Aman Malaysia itu sama dengan memorandum yang akan diserahkan kepada Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang kemudian akan menyerahkan pula kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, tarikh penyerahan belum ditetapkan kerana jadual ketat Dr Mahathir yang mengendalikan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 bermula hari ini.